

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

PGT 221 - Pengurusan Pendidikan

Masa : [3 jam]

Jawab mana-mana 4 (EMPAT) soalan sahaja.

1. Kenapakah kelompok-kelompok kecil wujud di dalam organisasi sekolah? Bagaimanakah Pengetua harus bertindak untuk menanganinya?
(25 Markah)
2. Kemahiran-kemahiran konseptual, kemanusiaan dan teknikal perlu dihayati oleh seorang Pengetua. Bincangkan kemahiran-kemahiran tersebut dan cuba kaitkan kedudukan beliau pada peringkat pengurusan yang sesuai dalam konteks sistem pendidikan kita.
(25 Markah)
3. "Pengetua yang terlalu mementingkan tugas akan mengabaikan aspek kemanusiaan, manakala Pengetua yang terlalu mementingkan aspek kemanusiaan akan mengabaikan tugas." Apa komen anda mengenai dilema pengetua ini dengan menggunakan pengetahuan anda mengenai hubungan kemanusiaan dan sejarah pergerakannya mulai dari zaman klasik hingga ke zaman moden.
(25 Markah)
4. "Gaji atau upah adalah merupakan faktor motivasi utama di dalam sesebuah organisasi." Dengan berpandukan teori-teori motivasi oleh Maslow, Hertzberg dan Vroom beri pendirian anda sendiri sama ada setuju atau tidak dengan kenyataan di atas.
(25 Markah)
5. Perancangan, Pengelolaan dan Penyeliaan adalah di antara fungsi-fungsi (proses) pengurusan yang penting. Huraikan prinsip-prinsip setiap satunya dengan memberi contoh-contoh yang boleh didapati di sekolah-sekolah.
(25 Markah)
6. Huraikan tiga daripada teori-teori kepimpinan yang anda tahu dengan membuat rujukan khas kepada kepimpinan sekolah.
(25 Markah)